

17 FEB 1997

Mahkamah - Bakun

MAHKAMAH RAYUAN BATAL KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Mahkamah Rayuan di sini hari ini membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan Perintah Kualiti Alam Sekitar (Aktiviti Berjadual) (Penilaian Kesan Alam Sekitar) Pindaan 1995 yang digunapakai bagi projek empangan Bakun di Sarawak, tidak sah.

Mahkamah Rayuan yang disidangi oleh panel tiga hakim terdiri daripada Datuk G. Sri Ram, Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Datuk Haji Mokhtar Sidin membuat keputusan itu selepas membenarkan rayuan defendan terhadap pengisytiharan Mahkamah Tinggi mengenai empangan Bakun pada 19 Jun, tahun lepas.

Defendan dalam kes ini ialah Ekran Berhad, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Kerajaan Malaysia, Lembaga Sumber Semula Jadi dan Alam Sekitar Sarawak dan Kerajaan Sarawak.

Mahkamah juga menolak perintah Mahkamah Tinggi bahawa Ekran Bhd mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA) 1974 sebelum meneruskan projek berkenaan.

Dalam penghakimannya, Sri Ram berkata pembinaan empangan itu tertakluk di bawah bidang kuasa undang-undang negeri dan Kerajaan Sarawak mempunyai bidang kuasa dan hak mengikut Perlembagaan terhadap tanah itu.

Oleh itu, EQA tidak digunapakai dalam kes ini kerana undang-undang ialah sebahagian daripada Perlembagaan Persekutuan, kata beliau.

Sri Ram berkata plaintif -- penduduk Rumah Panjang Belaga Tahu Lujah, 70, Saran Imu, 48 dan Kajing Tubek, 39 -- menuntut hak mereka mengikut Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan kerana ia menjejaskan kehidupan dan hak mereka untuk sumber pencarian.

Beliau berkata hak yang terjejas telah ditangangani dengan sempurna melalui pampasan yang boleh dibincangkan di kalangan pihak-pihak terbabit dan oleh itu ia tidak ada kaitan dengan isu perlembagaan.

Sri Ram berkata: "Ekran sekarang boleh menyatakan bahawa Akta Kualiti Alam Sekeliling tidak digunapakai terhadap mereka. Jika ini berlaku, plaintif tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (terutama Seksyen 34A) kerana remedi terbabit ialah pendakwaan yang hanya Peguam Negara boleh memulakan prosiding. Orang lain tidak mempunyai hak."

Beliau memutuskan bahawa kedua-dua perisytiharan yang dibuat oleh Hakim James Foong telah tersilap dan membatalkannya.

Beliau juga mengarahkan supaya kedua-dua pihak menanggung kos masing-masing.

Ketika ditemui pemberita kemudian, peguam G.S.Nijar yang mewakili plaintif berkata pihaknya akan membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan kerana perkara itu ialah isu kritikal yang boleh menimbulkan implikasi serius.

Peguam Muhammad Shafee Abdullah mewakili Ekran sementara Datuk J.C. Foong mewakili Lembaga Sumber Semula Jadi dan Alam Sekitar Sarawak dan Kerajaan Sarawak.

Sementara itu, Tan Sri Ting Pek Khiing, pengerusi eksekutif Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Bhd yang mengendalikan projek empangan berkata keputusan Mahkamah Rayuan mengenepikan segala keraguan mengenai projek itu yang sekarang boleh diteruskan.

"Berikutan keputusan hari ini, Saya berharap tidak ada lagi keraguan mengenai Bakun...projek itu sekarang boleh diteruskan mengikut jadual,"

kata beliau kepada pemberita ekoran keputusan mahkamah itu.

Ting berkata beliau telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di Sabah untuk lawatan dua hari, dan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud mengenai keputusan mahkamah itu.

"Kedua-dua mereka berasa lega kerana projek itu sekarang boleh berjalan lancar dan tidak lagi menimbulkan implikasi undang-undang," kata beliau.

Beliau berkata, kerja-kerja awal pembinaan empangan itu yang bermula 1 Januari tahun ini dijangka siap menjelang Jan, 2002, setahun lebih awal daripada dijadualkan.

Mengenai usaha melindungi hidupan liar di kawasan terbabit, laporan Penilaian Kesan alam Sekitar (EIA) telahpun mengambil langkah tegas bagi melindungi haiwan dan tumbuhan. Usaha juga sedang dijalankan bagi memindahkan hidupan liar ke tempat lain, katanya.

Ting melahirkan keyakinan bahawa BHC yang mendapat kelulusan bagi disenaraikan, akan memberi faedah kepada pemegang sahamnya.

"Saya memberi jaminan kepada pelabur bahawa ia memberi pulangan yang baik. Mereka boleh menikmati keuntungan pada hari projek itu dilaksanakan kerana bekalan tenaga yang hendak dijana telahpun mempunyai pembeli bagi tempoh 30 tahun akan datang," kata Ting.

BHC akan menerbitkan 1.5 bilion saham baru berharga RM2 seunit. Empangan itu, yang disifatkan sebagai projek infrastruktur terbesar di Asia Tenggara, mempunyai keupayaan bagi penjanaan 2,400 Megawatt tenaga elektrik. -- BERNAMA

ARA JK FAZ